



AGRO

EDITOR: NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN



TEL: 1-300-22-6787 SAMB: 4414



FAKS: 03-20567083/7084

RACUN SERANGGA ORGANIK



Muhammad Apendy Issahak
apendy@hmetro.com.my

Konsep pertanian lestari yang mementingkan penjagaan alam sekitar kian mendapat perhatian masyarakat termasuk membabitkan tanaman organik menggunakan baja dan racun perosak yang dibuat secara organik tanpa bahan kimia berbahaya.

Penerapan konsep berkenaan bukan saja diterima petani atau peladang yang mengusahakan tanaman untuk tujuan komersial, tetapi juga isi rumah yang menanamnya sebagai hobi bagi kegunaan sendiri.

Lebih menarik, kaedah yang digunakan juga dapat mengurangkan kos apabila bahan digunakan boleh diperolehi dengan mudah membabitkan barangan harian dari dapur setiap rumah.

Contoh paling mudah adalah menghasilkan racun serangga organik yang hanya menggunakan campuran beberapa bahan terutama sayuran.

DR NORIDA menunjukkan cara membuat racun serangga organik menggunakan bahan dapur.



GUNA BAHAN DAPUR

Dua kaedah hasil penghalau serangga buatan sendiri

FOKUS

DARI MUKA 1

Pensyarah Kanan (Penilaian Risiko) Jabatan Teknologi Pertanian, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Norida Mazlan berkata, kajian dibuat pihaknya menemui dua kaedah untuk menghasilkan racun serangga organik atau lebih tepat penghalau serangga.

Menurutnya, kaedah itu sudah lama ditemui namun tidak ramai yang menggunakannya walaupun racun serangga buatan sendiri itu ternyata berkesan.

"Kaedah pertama adalah menggunakan bahan A iaitu lima ulas bawang putih, enam biji cili api, seulas halia dan 300 mililiter (ml) air. Bahan B iaitu satu sudu minyak masak dan satu sudu cecair pencuci pinggan," katanya pada Program Klinik Pertanian Daerah Batang Padang di Arena Merdeka, Tapah, Perak, baru-baru ini.

Norida berkata, alatan yang diperlukan adalah pengisar, penapis, bekas simpanan (botol) dan penyembur.

"Kisar bahan A kemudian tapis dan ambil patinya sebelum



DAUN semambu turut berkesan untuk dijadikan penghalau serangga pada tanaman.



dicampurkan bersama bahan B dan kacang hingga sehati serta kemudian disimpan dalam bekas selama 24 jam.

"Untuk penggunaan, pati campuran itu kemudian dicampur dengan nisbah satu bahagian bersama empat bahagian air sebelum disemur pada tanaman.

"Pati atau racun serangga itu boleh disimpan selama enam bulan dan lebih lama disimpan ia lebih berkesan," katanya.

Menurutnya, kaedah kedua adalah lebih mudah dengan hanya menggunakan daun semambu dan air.

"Gunakan 250 gram daun semambu dengan 1.5 liter air dan kemudian ramas daun semambu sebelum masukkan ke dalam bekas berisi air berkenaan.

"Rendam daun semambu selama 12 jam atau tidak lebih 24 jam dan tapis airnya," katanya.

Norida berkata, masukkan air dalam bekas penyembur berisi air dengan nisbah 1:50 dan perlu digunakan semuanya kerana tidak boleh disimpan melebihi 24 jam.

Katanya, semua kaedah penghasilan penghalau serangga organik berkenaan hanya menggunakan kos yang rendah atau boleh dikatakan tanpa sebarang kos, namun untuk keberkesanan ia perlu kerap disemur pada tanaman.

